

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 43

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kemudahan yang disediakan dari segi modal, geran atau pinjaman daripada Kerajaan untuk penduduk Parlimen Batu Kawan bergiat dalam industri pertanian dan perikanan terutama sekali bagi wanita dan anak muda di kawasan bandar dan luar bandar serta bantuan untuk mereka menjana pendapatan dengan penceburan dalam bidang ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa peka dalam membantu golongan petani sedia ada mahupun petani yang baharu menceburkan diri meliputi golongan belia muda dan wanita.

2. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Unit Agropreneur Muda (UAM) telah memperkenalkan Program Agropreneur Muda (PAM) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang bermula pada tahun 2016. Program ini diwujudkan bagi tujuan menarik minat anak muda dan wanita di seluruh negara termasuklah di kawasan Parlimen Batu Kawan yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi sektor agromakanan.

3. Melalui PAM, golongan muda ditawarkan bantuan geran dan pembiayaan. Selain itu, PAM juga menawarkan bantuan khidmat nasihat teknikal, rundingan serta latihan bagi membangunkan projek-projek pertanian berdasarkan keperluan pemohon seperti berikut:

- a) menyediakan Geran Agropreneur Muda (GAM) berbentuk barangan sehingga RM20,000 bagi setiap projek;
- b) menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Khas sehingga RM200,000 bagi projek pengembangan; dan
- c) menyediakan kursus jangka pendek dan khidmat nasihat teknikal dan kewangan melalui jabatan/agensi berkaitan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

4. Di samping itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga menyediakan Program Geran Pepadanan dalam industri asas tani seperti berikut:

- a) Program *High Impact Product (HIP)* iaitu bantuan peruntukan 50% pembiayaan Kerajaan manakala 50% adalah dibiayai

oleh usahawan dengan nilai maksimum geran sebanyak RM200,000; dan

- b) Program *Change Upgrade Product (CUP)* iaitu bantuan peruntukan yang disalurkan melalui 70% pembiayaan Kerajaan manakala 30% dibiayai oleh usahawan dengan nilai maksimum geran sebanyak RM60,000.

5. Program ini menyediakan bantuan yang meliputi skop seperti berikut:

- (i) kajian nutrisi dan jangka hayat produk;
- (ii) reka bentuk pembungkusan dan pelabelan;
- (iii) peningkatan kapasiti pengeluaran melalui perolehan mesin dan peralatan;
- (iv) penambahbaikan premis bagi memenuhi keperluan persijilan; dan
- (v) perolehan papan tanda perniagaan.

6. Jumlah Geran Pemandaran yang diluluskan bagi Pulau Pinang pada tahun 2018 dan 2019 adalah sebanyak RM0.73 juta melibatkan 19 syarikat/ usahawan. Program ini telah membantu pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk menyediakan produk-produk yang memenuhi syarat, kriteria dan pensijilan yang diperlukan untuk pasaran dalam dan luar negara.

7. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani turut menawarkan kemudahan pembiayaan mikro Agro Nisaa'i melalui Agrobank kepada usahawan tani untuk menjalankan perniagaan berasaskan pertanian dan industri asas tani. Program pembiayaan ini menawarkan pembiayaan sehingga RM30,000 dengan margin pembiayaan sehingga 100%. Program pembiayaan ini disediakan khusus untuk usahawan wanita tanpa memerlukan cagaran dengan kadar pinjaman yang dikenakan serendah 3%.

Sekian, terima kasih.